



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **SIMPOSIUM ANTARABANGSA ICOFOM ASPAC 2023 PERINCI HALA TUJU MUZIUM MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

**KUALA LUMPUR, 15 November 2023** – Malaysia telah diberi penghormatan sebagai tuan rumah bagi penganjuran Simposium Antarabangsa ICOFOM ASPAC dengan tema **'Museums Towards Community Recovery'**. Majlis perasmian simposium telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di sini, hari ini.

Penganjuran Simposium Antarabangsa ICOFOM ASPAC 2023 adalah sebagai **platform perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang permuziuman oleh professional muzium ke arah kemampanan serta kesejahteraan muzium di peringkat antarabangsa.**

Dengan sub tema **'Aftermath and Reflection on the Educational Role of the Museums'** dan **'Future Scaping and the Digital'**, simposium antarabangsa ini menyaksikan pembentangan secara fizikal daripada 9 orang professional muzium mewakili negara China, Chinese Taipei, Scotland, Jerman, Thailand, Singapura dan Malaysia manakala 4 pembentangan melalui platform dalam talian mewakili negara Siberia (Russia), Brazil, Egypt dan Nepal.

ICOFOM yang ditubuhkan pada tahun 1977 merupakan sebuah badan yang berperanan dalam penyelidikan, pembelajaran dan penyebaran teori asas museologi sebagai suatu disiplin saintifik bebas yang menganalisis trend semasa dalam museologi kontemporari. ICOFOM telah dianggotai oleh peserta yang terdiri dari kalangan professional muzium yang terlibat dalam pelaksanaan fungsi serta peranan sosial muzium dari seluruh benua.

YB Datuk Aaron berkata, "Jabatan Muzium Malaysia memainkan peranan penting bukan sahaja memelihara sejarah dan warisan negara malah sebagai **pemangkin untuk memupuk perpaduan, semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat.** Sehingga kini, terdapat sebanyak 232 buah muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Negara termasuklah muzium negeri, muzium swasta dan muzium peribadi di seluruh Malaysia".

Tambah beliau, “Dalam era ini, muzium perlu meningkatkan perancangan, hala tuju dan mekanisma untuk kekal relevan dalam masyarakat. **Muzium perlu menjadi pelopor kepada idea Keharmonian Sosial.** Sebagai salah sebuah agensi kebudayaan, muzium membawa tanggungjawab penting dalam mempromosi dialog antara pelbagai bangsa, memupuk sikap saling menghormati dan kesefahaman antara kaum dan memelihara kepelbagaian budaya”.

“Pada tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan inisiatif baharu iaitu CitraNusa@Muzium. Program ini dirangka khusus sebagai mendukung usaha mempromosikan konsep Masyarakat MADANI. Malaysia MADANI ditunjangi sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan sebagai medan dialog peradaban manakala kerangka Malaysia MADANI menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan”, ujarnya.

Beliau berkata lanjut, “Kementerian Perpaduan Negara akan **memperkenalkan inisiatif Muzium Tanpa Tunai bermula tahun hadapan bagi mempromosi medium pembayaran tanpa tunai. Usaha ini selari dengan agenda pendigitalan Malaysia dan komitmen dan Jabatan Muzium Negara ke arah transformasi digital dan data raya (big data)**”. Pada masa hadapan, Kementerian akan memberi fokus dalam menambah baik agenda pendigitalan melalui Eksplorasi Khazanah Negara. Bagi peringkat awal ini, Kementerian akan memperkenalkan Pameran Maya Muzium Alam Semulajadi dan Penerokaan Maya 360°, ujar YB Datuk Aaron.

Pelbagai pengisian program menarik turut diadakan seperti **Youth Workshop** yang bertajuk **“Young People Sharing The Future Of Museology Through the Lens Of Sustainable Development Goals”**. Selain itu, lawatan kebudayaan juga turut diadakan bagi memberi peluang kepada delegasi negara anggota untuk melawat tapak warisan dan lokasi terpilih berkaitan sejarah di samping berkongsi idea, kepakaran serta pengalaman dalam pengurusan sesebuah muzium di Malaysia.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

15 November 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (20)